

REDAKSI

PENGARANG URLISAN KUMPULAN NSTP
Datuk Abdul Jafif Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Mahfar Ali

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Badrulhisham Othman

PENGARANG EKSEKUTIF PENGELOJARAN PERCETAKAN & DIGITAL
Rosli Safar

PENGARANG EKSEKUTIF BERITA / RENCANA / DIGITAL
Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PENGARANG BERSEKUTU BH2 / MINGGUAN
Azhar Abu Samah

PENGARANG PENDIDIKAN
Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Ridzuan Yop Mohd Feroz Abu Bakar

PENOLONG PENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Syuhada Choo Abdullah Khairina Yasin

PENOLONG EDITOR GRAFIK & REKA LETAK
Ismady Md Yusof

PENYUNTING EKSEKUTIF
Rosdi Ismail Muhammad Fakhri Alias

PENYUNTING
Afdhal Bin Ab Rahman

WARTAWAN
Nurhidayah Che Din Siti Sarah Aina Shawal

EKSEKUTIF ARTIS
Zuraizee Zulkifli Zainon Kadim

ILUSTRATOR
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

PENGIKLANAN
 TEL: 1300226787

BERITA HARIAN
 TEL: 1300226787 SAMB: 5108
 FAKS: 03 2056 7081

LANGGANAN
 Nadza Afferdi
 Jabatan Pengedaran dan Jualan Akhbar
 NSTP 31, Jalan Riang, 59100
 Kuala Lumpur

E-mel atau surat ke alamat:
 bhdidik@bh.com.my atau Unit Pendidikan Berita Harian, Balai Berita, 31 Jalan Riang, 59100 Kuala Lumpur

Oleh Sarah Aina Shawal
 sarah_aina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Gurauan kasar

Sebilangan remaja kini mengamalkan penggunaan bahasa kasar atau kesat, termasuk ketika berjenaka dan melatah, tanpa mempedulikan kepentingan nilai santun dalam pertuturan.

Tabiat selamba itu yang secara langsung menggambarkan keperibadian mereka, boleh mengganggu sensitiviti pihak lain sehingga memutuskan perselisihan faham mahupun pergaulan.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 9 (2), Puan Nurafidah Mohd Khalid, berkata gejala itu semakin menular dan dikhawatiri akan menjuruskan remaja terabit kepada kecenderungan negatif lain sekiranya tidak dibendung.

"Pengaruh persekitaran merupakan antara faktor pelajar terjebak dengan penggunaan bahasa kasar. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu mengawasi pergaulan sosial anak kerana pembabitan dalam gejala negatif lazimnya bermula daripada pertuturan yang tidak sopan," katanya.

Media massa

Sambil mengaku penggunaan bahasa kasar turut menjejaskan akademik pelajar, beliau berkata, media massa tidak ketinggalan berperanan penting untuk membantu penerapan budaya bersopan santun dalam pertuturan golongan muda.

"Ketika ini, ba-

nyak rancangan televisyen yang menampilkan penggunaan bahasa kasar sehingga dianggap sebagai kebiasaan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia.

"Keadaan itu tidak wajar berlaku kerana boleh menggalakkan amalan sedemikian dalam kalangan remaja yang mudah terikut-ikut dengan suatu yang kerap dilihat atau didengar," katanya.

Sementara itu, pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Cik Nazilah Mohamad, berkata penggunaan bahasa kasar melanggar norma masyarakat Melayu yang amat menitikberatkan kesopanan dalam pertuturan dan penulisan, malah boleh menimbulkan konflik komunikasi.

Menyinggung perasaan
 "Berdasarkan pe-

merhatian, pelajar terabit kurang memahami penggunaan bahasa bersesuaian dan hanya mengikut kehendak hati," katanya.

Pelajar SMK Taman Kosas di Ampang, Nuradilla Jufri, 15, pula menyifatkan gejala itu sebagai perilaku negatif yang boleh mengakibatkan salah faham atau menyinggung perasaan pihak lain.

"Sesetengah pelajar sudah biasa mengeluarkan bahasa kesat seperti bodoh ketika membuat lawak atau melatah kerana terikut-ikut dengan pengaruh rakan sebaya

» **Gejala pertuturan tidak sopan kian menular dalam kalangan pelajar**



Nuradilla



Cik Nazilah



Puan Nurafidah

INTERAKTIF

"Pelajar menggunakan bahasa kasar dengan tanggapan perkara itu 'stailo' berikutan kebanyakan perkataannya sering dituturkan dalam rancangan televisyen."

Nuriman Nabila Yusman, 15
 SMK Bukit Jalil, Kuala Lumpur



"Pada kebiasaannya, pelajar menggunakan bahasa kasar akibat pengaruh rakan sebaya pada peringkat sekolah rendah lagi. Bagi menangani dan mengatasi masalah ini, sekolah boleh menganjurkan pelbagai program seperti Kempen Senyum, Salam dan Sapa (3S)"

Encik Shahzihan Sabudin
 Guru Disiplin SMK Taman Kosas, Ampang



"Memang ada pelajar yang sudah terbiasa menggunakan bahasa kasar dalam perbualan dengan keluarga dan rakan mereka. Mereka sepatutnya mengamalkan penggunaan bahasa bersesuaian dan positif yang dapat membantu dalam bidang penulisan."

Amier Syahmi Ahmad Nazif, 15
 Pelajar SMK Presint 9 (2), Putrajaya

